

MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BIL.1/2020
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Tarikh : 22 Jun 2020 (Isnin)
Masa : 9.00 hingga 11.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5,
Kementerian Pembangunan Usahawan
dan Koperasi
Kehadiran : Lampiran A

Bil	Perkara	Tindakan
1.0	Perutusan Pengerusi	
1.1	YBhg. Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua yang hadir ke mesyuarat MBJ Bil.2/2019.	Makluman
1.2	YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Mohd Rodzwan bin Mohd Baba Sakri, mantan Setiausaha Bahagian Kanan, Sektor Pengurusan di atas sumbangan dan jasa beliau di dalam MBJ MEDAC. YBhg. Datuk Pengerusi juga merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Puan Noor Aida binti Misran, mantan wakil Pihak Pekerja di Bahagian <i>Licensing Elektronik Support System</i> (BLESS) di atas sumbangan dan jasa beliau di dalam MBJ MEDAC.	Makluman
1.3	YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa: (i) MBJ kali ini adalah bertujuan untuk membincang dan memberikan maklum balas terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Pihak Pekerja. Sebarang cadangan dan pandangan adalah dialu-alukan; (ii) MBJ merupakan satu platform rasmi yang diwujudkan bagi membolehkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Pihak Pekerja diselesaikan segera dalam suasana yang harmoni; dan (iii) kedua-dua belah pihak iaitu Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja merupakan rakan kongsi dalam memantapkan penyampaian perkhidmatan MEDAC. Jaringan hubungan antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja dapat diperkukuhkan melalui kaedah permuafakatan atau perbincangan.	Makluman

Bil	Perkara	Tindakan
2.0	PERUTUSAN NAIB Pengerusi	
2.1	<p>YBrs. Naib Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Pengerusi kerana sudi melapangkan masa bagi mempengerusikan mesyuarat pertama MBJ MEDAC bagi tahun 2020.</p> <p>YBrs. Naib Pengerusi berharap agar isu-isu yang diutarakan oleh Pihak Pekerja dapat dibincang dan diselesaikan di dalam suasana yang harmoni bagi mewujudkan kebersamaan di antara Pihak Pekerja dan Pihak Pegawai.</p> <p>YBrs. Naib Pengerusi juga merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) YBhg. Dato' Mohd Rodzwan bin Mohd Baba Sakri, mantan Setiausaha Bahagian Kanan, Sektor Pengurusan; dan (ii) Puan Noor Aida binti Misran, mantan wakil Pihak Pekerja di Bahagian <i>Licensing Elektronik Support System</i> (BLESS); <p>di atas jasa dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang khidmat mereka di dalam MBJ MEDAC.</p>	Makluman
3.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT	
3.1	<p>Isu Pembahagian Lot Parkir</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa ruang parkir adalah terhad dan perlu dikongsikan bersama agensi-agensi daripada Kementerian yang lain.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa Pihak Pekerja dibenarkan untuk membuat tuntutan bagi caj parkir berbayar secara bulanan. Mesyuarat juga bersetuju supaya pihak BKPK menguangkuatkan perkara ini untuk makluman warga MEDAC khususnya kepada pekerja yang baharu.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa isu pembahagian lot parkir ini akan dikaji dan disemak semula apabila MEDAC berpindah ke Ibu Pejabat baharu pada suku pertama tahun 2021. Dalam perkara ini, Mesyuarat bersetuju supaya keutamaan parkir diberikan berdasarkan kriteria seperti berikut:</p>	BKPK

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>(i) Berdasarkan polisi sedia ada iaitu keutamaan kepada pegawai sekurang-kurangnya di Gred 48 dengan justifikasi keperluan pegawai tersebut untuk menghadiri mesyuarat di luar pejabat dengan menggunakan kenderaan sendiri; dan</p> <p>(ii) Merit seperti sumbangan/penglibatan pekerja kepada aktiviti-aktiviti MEDAC (MBJ, Puspanita dll.) di ambil kira di dalam pertimbangan pengagihan parkir.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	
3.2	<p>Kafeteria Kementerian</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa isu berhubung kafeteria merangkumi tiga (3) perkara iaitu:</p> <p>(i) <u>Harga makanan</u> Pihak BKPK dan wakil Pihak Pekerja telah mengadakan perbincangan bersama pihak kafeteria. Tiada lagi aduan diterima berhubung harga makanan. Perkara ini dikira selesai.</p> <p>(ii) <u>Kebersihan makanan</u> Pihak BKPK mengalu-alukan sebarang aduan mengenai perkara ini melalui emel bergambar. Perkara ini dikira selesai.</p> <p>(iii) <u>Kebersihan dan keceriaan kawasan kafeteria</u> YBrs. Pengerusi meminta BKPK untuk mengemukakan susulan kepada permohonan yang telah dikemukakan kepada pihak JKR agar perkara ini dapat diselesaikan. Perkara ini perlu disusuli dan disekalikan di bawah isu di bilangan 3.3 "Kebersihan dan Keceriaan Persekitaran B1"</p>	BKPK
3.3	<p>Kebersihan dan Keceriaan Persekitaran B1</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa persekitaran di B1 terutamanya di kawasan kedai runcit dan belakang kafeteria adalah tidak bersih dan berbau. Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa pengubahsuaian (<i>renovation</i>) diperlukan bagi mengatasi isu bau di kawasan tersebut. BKPK telah mengemukakan perkara ini untuk tindakan pihak JKR.</p> <p>YBrs. Pengerusi meminta BKPK untuk mengemukakan susulan kepada permohonan yang telah dikemukakan kepada pihak JKR agar perkara ini dapat diselesaikan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BKPK

Bil	Perkara	Tindakan
3.4	<p>Cadangan Taklimat Penstrukturan Semula MEDAC</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa carta organisasi Interim MEDAC telah berkuatkuasa mulai 22 Mei 2020. Dalam perkara ini, beberapa penyusunan semula dan perubahan yang berlaku.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa pihak pekerja kurang memahami fungsi dan peranan setiap Bahagian susulan daripada penstrukturan semula Kementerian yang telah dilakukan.</p> <p>Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa taklimat akan dilakukan setelah penstrukturan diluluskan oleh JPA agar maklumat selaras dengan keputusan semasa.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BPSM
3.5	<p>Cadangan Pemakaian Tali Leher dan Tudung Korporat MEDAC</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan untuk mewujudkan pemakaian tudung korporat MEDAC bagi wanita dan tali leher korporat MED bagi lelaki untuk mewujudkan identiti dan <i>sense of belonging</i> dalam kalangan pekerja MEDAC terutamanya semasa menghadiri majlis-majlis formal Kerajaan dan/atau hari-hari bekerja yang tertentu.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa perkara berkaitan ini akan diuruskan oleh Koperasi MEDAC yang akan ditubuhkan nanti.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	Koperasi MEDAC
3.6	<p>Cadangan Mesyuarat MBJ di Luar Kementerian</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan Pihak Pekerja untuk mengadakan mesyuarat MBJ diluar Kementerian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh pelantikan. Pelaksanaan mesyuarat tersebut akan memberi ruang dan peluang kepada wakil Pekerja untuk memberikan lebih fokus dalam melaksanakan matlamat MBJ disamping mewujudkan hubungan luar pejabat yang lebih mesra di antara Pegawai dan Pekerja.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan pelaksanaan Mesyuarat MBJ di luar Kementerian tertakluk kepada polisi semasa Kerajaan mengenai isu pandemik Covid-19.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BPSM

Bil	Perkara	Tindakan
3.7	<p>Status Penubuhan Koperasi MEDAC</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa penubuhan Koperasi MEDAC telah diluluskan oleh pihak SKM.</p> <p>Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa pembentukan Jawatankuasa yang berkaitan akan dilakukan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	Makluman
3.8	<p>Pengurusan Parkir Di Kawasan Belakang Bangunan Pejabat (Loading Bay)</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat kenderaan di kawasan <i>loading bay</i> yang tidak meletakkan nombor telefon. Perkara ini menyukarkan warga MEDAC yang lain terutamanya sekiranya berlaku kes kecemasan dan menyebabkan kelewatan.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa BKPK telah mengeluarkan emel hebahan bagi memberikan kesedaran berhubung perkara ini kepada warga MEDAC, BBA KASA dan Sektor Tenaga KeTSA agar mempamerkan nombor pendaftaran kenderaan. BKPK juga sedang dalam proses mendapatkan papan tanda untuk diletakkan di <i>loading bay</i> bagi perkara ini.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU bahawa perkara ini telah selesai.</p>	Makluman
3.9	<p>Cadangan Pakaian T-Shirt Batik MEDAC</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum terhadap cadangan penggunaan pakaian batik MEDAC berasaskan pabrik kain jersi dan rekaan batik seperti di penganjuran Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Sabah sebagai salah satu pemakaian <i>smart casual</i> pada hari-hari tertentu (sebagai contoh: Jumaat) memandangkan pemakaiannya sebagai batik pada hari Khamis adalah tertakluk kepada pekeliling semasa.</p> <p>Mesyuarat bersetuju bahawa tatacara / etika pemakaian perlu dipatuhi berdasarkan kepada peraturan pemakaian yang telah ditetapkan oleh Surat Pekeliling Perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, mesyuarat berpandangan bahawa pakaian <i>t-shirt batik</i> tersebut hanya boleh digunakan bagi tujuan riadah / aktiviti gotong-royong MEDAC.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU bahawa perkara ini telah selesai.</p>	Makluman

Bil	Perkara	Tindakan
3.10	<p>Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC</p> <p>Mesyuarat mencadangkan agar kelab sukan dan kebajikan bergerak lebih aktif dan prihatin khususnya terhadap aspek kebajikan ahli-ahlinya.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa pengurusan Jawatankuasa kelab memerlukan pengganti ekoran kebanyakan Ahli Jawatankuasa kelab telah bertukar Kementerian.</p> <p>Sehubungan dengan itu, mesyuarat bersetuju supaya Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC diaktifkan semula dengan pelaksanaan pelantikan baharu bagi menggantikan AJK yang telah bertukar.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	Kelab MEDAC
3.11	<p>Cadangan Pindaan Perlembagaan MBJ MEDAC:- Pindaan Kepada Pembahagian Bilangan Wakil Pekerja</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa bilangan ahli MBJ MEDAC (Pihak Pekerja) yang hadir adalah seramai 17 orang dari 28 orang. Daripada 28 ahli tersebut, majoriti ahli pekerja adalah dari PKK meliputi setiap zon negeri & setiap gred perkhidmatan.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan kesukaran untuk mendapatkan minima korum ahli bagi melaksanakan mesyuarat MBJ dan kesukaran untuk Pihak Pekerja melakukan perbincangan dan penyelarasan sebagai persediaan kepada Mesyuarat MBJ.</p> <p>Mesyuarat bersetuju bahawa pindaan dilakukan dengan mengurangkan keahlian PKK Negeri dan menyeimbangkan keahlian anggota Kementerian.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BPSM & Pihak Pekerja
3.12	<p>Cadangan Penyediaan Peruntukan Khas Pakaian Bagi Program Perarakan Hari Kebangsaan</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa tiada peruntukan baju disediakan bagi peserta program perarakan Hari Kebangsaan berbanding peserta bagi program perarakan Maal Hijrah dan Maulidur Rasul. Peserta program perarakan Hari Kebangsaan terpaksa melalui tiga (3) hari latihan dan perlu memakai pakaian putih pada hari perarakan menggunakan perbelanjaan/kewangan sendiri. Perkara ini sedikit sebanyak membebankan peserta khususnya kumpulan pelaksana.</p>	BPSM / BKPK

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>Mesyuarat mencadangkan agar peruntukan diberikan kepada peserta perarakan Hari Kebangsaan dengan keutamaan diberikan kepada kumpulan pelaksana. Dalam perkara ini, permohonan peruntukan tersebut perlu mendapat pertimbangan dan kelulusan sewajarnya oleh pegawai pengawal.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	
3.13	<p>Pakaian Pembantu Operasi dan Pemandu Kenderaan</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan usul Pihak Pekerja pada tahun 2019 supaya pengukuran dan pembekalan baju korporat pembantu operasi dan pemandu kenderaan untuk tahun 2020 dapat diawalkan.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa kelancaran proses perolehan bagi item ini telah terjejas ekoran daripada pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Proses perolehan walau bagaimanapun telah diteruskan kembali selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BKPK
4.0	PEMBENTANGAN USUL / ISU-ISU BAHARU	
4.1	<p>Cadangan Inisiatif Pencegahan Virus COVID-19</p> <p>(i) <u>Penyediaan <i>Hand Sanitizer</i> di Kawasan Pintu Lif</u> Mesyuarat mengambil maklum cadangan Pihak Pekerja supaya <i>hand sanitizer</i> disediakan berhampiran kawasan pintu lif sebagai langkah penjagaan kebersihan dan pencegahan virus Covid-19. Mesyuarat bersetuju supaya perkara ini disusuli.</p> <p>(ii) <u>Pembekalan Penutup Mulut dan Hidung (<i>Mask</i>)</u> Mesyuarat mengambil maklum bahawa BKPK menyediakan bekalan <i>mask</i> di pintu masuk lobi. Bekalan <i>mask</i> adalah mencukupi dan akan diedarkan kepada Sektor/Bahagian sekiranya dimohon. Mesyuarat bersetuju bahawa perkara ini telah selesai.</p>	BKPK Makluman
4.2	<p>Permohonan Kenderaan Jabatan Untuk Warga BLESS di Parcel D</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan Pihak Pekerja supaya sebuah kenderaan Jabatan disediakan khas untuk kegunaan warga BLESS terutamanya bagi tujuan bermesyuarat disebabkan kesukaran untuk mendapatkan parkir di MEDAC.</p>	BKPK


Bil	Perkara	Tindakan
	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa BKPK akan mengenalpasti kenderaan yang bersesuaian untuk ditempatkan di BLESS.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	
4.3	<p>Penggiliran Tugas PA</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa BPSM telah mengambil tindakan dalam menyelesaikan isu penggiliran tugas PA dengan menempatkan PA ganti daripada Sektor yang sama bagi memastikan kelancaran urusan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU bahawa perkara ini telah selesai</p>	Makluman
4.4	<p>Cadangan Penambahbaikan Sistem E-Latihan</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan aduan daripada warga MEDAC yang menyatakan bahawa terdapat kesilapan teknikal pada sistem latihan [tiada notifikasi "error" bagi maklumat latihan yang gagal disimpan (save)]. Perkara ini telah mengakibatkan beliau diminta untuk menyediakan Surat Tunjuk Sebab (STS).</p> <p>Pihak Pekerja mencadangkan supaya sistem E-Latihan ditambah baik dengan ciri-ciri berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) notifikasi "error" dipaparkan pada sistem sekiranya tindakan pengemaskinian maklumat gagal disimpan; atau (ii) peringatan mesra melalui emel dikemukakan kepada pengguna sistem yang tidak / gagal mengemaskini maklumat latihan sebelum tindakan penyediaan STS dilakukan; dan (iii) capaian ke sistem e-latihan disertakan di Portal Rasmi Kementerian. <p>Mesyuarat bersetuju supaya perkara ini disusuli.</p>	BPM / BPSM
4.5	<p>Isu Yuran Perkhidmatan Taska Semasa Tempoh PKP</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum aduan Pihak Pekerja berhubung kadar yuran Taska yang kekal dan perlu dijelaskan meskipun pekerja tidak menghantar anak mereka semasa tempoh PKP.</p>	BKPK

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>Mesyuarat bersetuju supaya pihak BKPK mengadakan sesi perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan (<i>stakeholders</i>) bagi mencari penyelesaian secara menang-menang (<i>win-win situation</i>)</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	
5.0	HAL-HAL LAIN	
5.1	<p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju supaya:</p> <p>(i) perolehan bagi penyelenggaraan Kenderaan Jabatan PKK dilaksanakan dengan sewajarnya; dan</p> <p>(ii) tindakan pelupusan dilakukan bagi Kenderaan Jabatan PKK yang usang dan tidak lagi sesuai untuk diselenggara (<i>beyond economic repair</i>) serta perlu digantikan dengan perolehan bagi Kenderaan yang baharu</p>	BKPK PKK
6.0	PENUTUP	
6.1	Mesyuarat MBJ Bilangan 1 Tahun 2020 ditangguhkan pada jam 11.00 pagi dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Datuk Pengerusi.	

Disediakan oleh:


 Mohd Shafiq bin Bakar
 Setiausaha Bersama MBJ (Pihak Pegawai)
 30 Jun 2020

Disemak oleh:


 Mohd Faizal bin Dolah
 Naib Pengerusi (Pihak Pekerja)
 30 Jun 2020

Disahkan oleh:


 Datuk Hj. Zamri bin Salleh
 Pengerusi MBJ MEDAC
 30 Jun 2020

PIHAK PEGAWAI

1. YBhg. Datuk Hj. Zamri bin Salleh - Pengerusi Ganti
TKSU (P)
2. Encik Saifuzzaman bin Manan
TSUB
3. Puan Marlina binti Ramly
P (PKK)
4. Encik Ismail bin Mohamed Yusof
SUB (BPSM)
5. Puan Ainul Rasyidah binti Ab Rahim
SUB BKPK
6. Puan Nor Fadila binti M Sapuan
KPSU (BPSM)
7. Puan Rohani binti Abdul Haziz
KPSU (BPM)
Mewakili SUB BPM
8. Encik Ahmad Faizal bin Mohamad
KPSU (BKPK)
9. Mohd Shafiq bin Bakar - Setiausaha Pihak Pegawai
PPT (BPSM)

PIHAK PEKERJA

10. Encik Mohd Faizal bin Dolah - Naib Pengerusi
KPSU (BPES)
11. Puan Noor Shabirah binti Mohd Shamsuri
KPSU (BLESS)
12. Puan Eziatul Nurin binti Ahmad Sapawi
Pengarah PKK Negeri Selangor

13. Encik Zainal bin Bahaudin
PSU (BDHA)
14. Puan Noor Hafiza binti Mat Tahir
Pegawai Teknologi Maklumat (BLESS)
15. Puan Nurazura binti Ali
Jurutera (PKK Ibu Pejabat)
16. Encik Mohd Asraf bin Abd Samat
PSU (PKK Ibu Pejabat)
17. Puan Noriati binti Amin
PPT (BPES) - Setiausaha Pihak Pekerja
18. Puan Noor Farhan binti Mohamed Yusoff
Pen. Pegawai Teknologi Maklumat (BLESS)
19. Puan Siti Zaharah binti Abd Rahman
PT (PO)
20. Puan Azhani binti Abu Bakar
PT (PO) BA
21. Puan Nur Azamimah binti Mohamed Sahak
PT (PO) PKK HQ
22. Encik Abdul Rahman bin Gobil
Peg. Keselamatan (BKPK)
23. Encik Rosman bin Mansor
PO (BPK)
24. Encik Shamsul Bahri bin Sinan
PO (PKK HQ)

URUSETIA

25. Encik Mohd Aidil bin Jamaluddin
PPT (BPSM)
26. Puan Wan Nur Shahirah Zanol Aabidin
PT (BPSM)